



Praktis Topikal
备考全能通
Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun **4** 年級

国文

Bahasa Melayu

Dayne Azmin
Ain Nadhirah Mohd Shah

- Ditulis mengikut format **UASA** Ujian Akhir Sesi Akademik terkini
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

UPSA**Ujian Pertengahan Sesi Akademik****50****BAHAGIAN A****[10 markah]****Soalan 1 dan 2***Pilih jawapan yang paling sesuai.*

1. Penduduk Taman Sentosa _____ untuk mengutip sampah di sekitar kawasan perumahan mereka.
- A beriadah 休闲
- B berpeluang 有机会
- C berehat 休息
- D bekerjasama

2. Keluarga mereka berpakat _____ mengadakan majlis sambutan hari lahir di sebuah restoran.
- A untuk
- B dengan
- C tentang 关于
- D hingga 直到

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

- 3.
- A Lilian dan keluarganya bergotong-royong berkemas rumah.
- B Semasa masuk ke kawasan sekolah, mereka menggunakan laluan masuk yang tersedia. 准备的
- C Topi yang dipakai oleh Amin dapat melindungi kepalanya daripada panas matahari.
- D Pada minggu lepas, Chun Han bersaksikan persembahan angklung.

上个星期

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sejak tamat pengajian di universiti, Waheeda sudah boleh menenun songket sendiri. Ibunya telah mengajarnya menenun songket agar dia dapat meneruskan perniagaan keluarga. Dia juga mengikuti kursus menenun songket. Setelah mahir, Waheeda mula (mengambil alih) perusahaan kain songket keluarganya.

Beliau memasarkan songket secara (dalam talian) dengan menjual secara langsung melalui platform media sosial. Perniagaan songket Waheeda mendapat permintaan yang menggalakkan disebabkan corak pada kain songket yang dijual sangat cantik dan berkualiti.

Kesungguhan Waheeda membuahkan hasil selepas beberapa bulan. Perniagaannya semakin dikenali dan permintaan kain songket juga semakin tinggi. Perniagaan songket Waheeda turut mendapat permintaan dari luar negara. Benarlah kata peribahasa Melayu, (jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya.)

4. Apakah perniagaan yang dijalankan oleh keluarga Waheeda?
 - A Perniagaan kek cawan
 - B Perniagaan kedai runcit
 - C Perusahaan kerepek
 - D Perusahaan kain songket
5. Pernyataan berikut adalah benar berdasarkan petikan *kecuali*
 - A kain songket Waheeda mendapat permintaan dari luar negara.
 - B Waheeda menjual kain songket sejak belajar di universiti.
 - C Corak pada kain songket Waheeda sangat cantik dan berkualiti.
 - D Waheeda menjual kain songket secara dalam talian.
6. Peribahasa *jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya* yang terdapat dalam petikan bermaksud
 - A kejayaan tidak akan dicapai tanpa usaha.
 - B tiada usaha pasti akan gagal.
 - C menuntut ilmu untuk memperoleh kejayaan.
 - D keyakinan diri penting untuk berjaya.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

▶ **KEMPEN GALAKAN MEMBACA** ◀

Anjuran: Persatuan Pusat Sumber SJKC Pandan Indah

Tarikh: Sepanjang Bulan April 202_

Objektif:

Kempen ini dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan murid, menambahkan ilmu pengetahuan dan (mengisi masa lapang) murid-murid.

Aktiviti yang dijalankan:

- ↪ Bacaan Pagi
- ↪ Permainan Bahasa
- ↪ Pertandingan Membuat (Penanda Buku)
- ↪ Pertandingan (Resensi Buku)
- ↪ Pertandingan Bercerita
- ↪ Pameran Buku



DISKAUN ISTIMEWA!
50% untuk buku-buku terpakai
20% untuk buku-buku baharu

“Membaca Jambatan Ilmu”

BAHAN 2

“Laili, sekolah kita sedang mengadakan Kempen Galakan Membaca sepanjang bulan ini,” kata Wendy. “Saya juga ada melihat poster yang ditampal di papan kenyataan semalam. Banyak aktiviti menarik yang akan dijalankan sepanjang bulan April ini,” tambah Laili lagi.

Mereka berjalan menuju ke dewan sekolah untuk membeli buku di pameran buku yang sedang diadakan sempena kempen tersebut.

“Wendy, terdapat diskaun menarik untuk setiap pembelian buku-buku di pameran ini,” kata Laili. “Saya hendak membeli buku-buku terpakai sebagai bahan bacaan tambahan saya. Saya boleh mengisi masa lapang dengan membaca buku. Amalan membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan menambahkan kosa kata saya,” tambah Wendy lagi.

“Laila, saya hendak (membuat pembayaran,) kemudian (membuat pendaftaran) Pertandingan Resensi Buku,” ajak Wendy.

7. Kempen Galakan Membaca di SJKC Pandan Indah diadakan
- A Januari hingga Mac 202_.
 - B Mac hingga April 202_.
 - C sepanjang bulan April 202_.
 - D sepanjang bulan Januari 202_.

Mereka berjalan menuju ke dewan sekolah untuk membeli buku di pameran buku yang sedang diadakan sempena kempen tersebut.

8. Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A biji.
 - B buah.
 - C butir.
 - D bentuk.

9. Perkataan ^{书评} *resensi* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 bermaksud

- A kesalahan tatabahasa.
- B terjemahan kosa kata.
- C ulasan buku.
- D pendapat tentang sesuatu isu.

10. Pilih pernyataan yang benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.

- A Pertandingan pidato antara aktiviti yang dijalankan sepanjang Kempen Galakan Membaca.
- B Budaya membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan menambahkan kosa kata.
- C Wendy dan Laili ke pameran buku yang diadakan di kantin sekolah.
- D Tiada diskaun ditawarkan untuk pembelian buku-buku di pameran buku.

BAHAGIAN B

[10 markah]

Soalan 1*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Jonathan seorang murid yang jujur. Ketika berjalan pulang dari sekolah, dia terjumpa dompet berwarna hitam. Dia cuba menunggu pemilik dompet itu. Oleh kerana tiada sesiapa yang berada di situ, dia segera membuka dompet itu untuk mengetahui pemiliknya. Rupa-rupanya dompet itu milik Cikgu Amira, guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolahnya.

Jonathan segera kembali ke sekolah dan menuju ke bilik guru. Dia menemui Cikgu Amira dan memulangkan dompet tersebut. Cikgu Amira berterima kasih kepada Jonathan kerana telah menjumpai dan memulangkan dompetnya.

Beliau menghulurkan wang kepada Jonathan, namun Jonathan tidak mahu menerima wang itu. Cikgu Amira memuji sikapnya yang jujur. Jonathan pulang ke rumah dengan hati yang gembira.

1. (a) Jonathan seorang murid yang _____.
[1 markah]

(b) Apakah yang ^{被看见} dijumpai oleh Jonathan sewaktu berjalan pulang dari sekolah?

[2 markah]

(c) Bulatkan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Dia pulang ke rumah dengan hati yang gembira.

[1 markah]

(d) Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Cikgu Amira memuji sikap Jonathan yang jujur.

Sikap jujur Cikgu Amira dipuji oleh Jonathan.	
Sikap Jonathan yang jujur dipuji oleh Cikgu Amira.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Murid-murid Tahun Empat Efektif sedang berjalan ke perpustakaan. Mereka berjalan dalam satu barisan. Semasa sedang (menuruni tangga) seorang murid terjatuh.

2. Sebagai rakan sekelas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

BAHAGIAN C

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang Program I Murid I Sukan.

Tuliskan pendapat kamu tentang kebaikan Program I Murid I Sukan.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Kebaikan Program I Murid I Sukan



BAHAGIAN D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.


